

31 DEC 2002
Lokman-LTdL/I
LTDL 2003: 22 PASUKAN SUDAH BERSEDIA UNTUK BERAKSI

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Senarai penyertaan Telekom Malaysia Le Tour de Langkawi (LTdL) 2003 sudah lengkap dengan 22 pasukan sudah bersiap sedia untuk beraksi dalam siri ke lapan perlumbaan itu pada 31 Jan hingga 9 Feb.

Pasukan Perancis MBK-Oktos-St.Quentin merupakan pasukan terakhir untuk mengesahkan kemasukan mereka kepada penganjur First Cartel (M) Sdn Bhd hari ini.

"Saya fikir 22 merupakan jumlah yang ideal bagi perlumbaan ini. Ini akan memudahkan pengawalan para pelumba kerana kita tidak mahu jalan yang digunakan terlalu sesak dan yang paling penting untuk memastikan keselamatan daripada pelanggaran," kata Pengerusi Eksekutif First Cartel Datuk Wan Lokman Datuk Paduka Wan Ibrahim dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Daripada 22 pasukan, 15 merupakan pasukan dari Perancis, Itali, Denmark, Sepanyol, Belgium, Colombia, Slovakia dan Amerika Syarikat.

Enam pasukan -- Iran, Afrika Selatan, Jepun, Kanada, Filipina dan Malaysia -- bersama pasukan Telekom Malaysia juga disenaraikan untuk bersaing.

Wan Lokman berkata penyertaan 22 pasukan juga memberikan lebih kerancakan dalam perlumbaan itu kerana mata yang tinggi untuk memenangi hadiah wang yang lumayan dijangka akan memberi perangsang kepada pasukan dan pelumba memberikan yang terbaik dalam acara 10 hari itu.

Menjadikannya lebih menarik lagi ialah empat juara perlumbaan yang lalu -- Paolo Lanfranchini dari Panaria (1999 dan 2001), Gabriel Missaglia dari Lampre (1998), Chris Horner dari Saturn (2000) dan Hernan Darion Munoz dari Selle Italia (2002) akan mencabar satu sama lain buat pertama kali dalam sejarah perlumbaan tujuh tahun itu.

Di peringkat Asia, persaingan dijangka sengit dengan kemasukan pertama kali pasukan Iran, satu daripada kuasa lumba basikal Asia dan pasukan Telekom Malaysia yang konsisten, satu pasukan campuran pelumba Eropah dan Asia.

Beliau turut menggesa pelumba Asia supaya menggunakan perlumbaan itu sebagai landasan untuk meningkatkan standard mereka dan menyaingi pelumba profesional.

Pelumba seperti Wong Kam Po (Hong Kong), Tonton Susanto (Indonesia) dan Ghader Mizbani (Iran) telah mendapat pengiktirafan dan membuktikan pelumba Asia mempunyai kualiti yang boleh menyaingi beberapa nama besar dalam sukan itu.

Perlumbaan itu bermula pada 31 Jan dengan ujian masa individu yang membawa pelumba menyudahkan perjalanan sepanjang 9.5km di atas pulau.

Ia diadakan di bawah naungan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan pengiktirafan daripada badan sukan antarabangsa UCI, Persekutuan Lumba Basikal Asia dan Persekutuan Lumba Basikal Kebangsaan Malaysia.

-- BERNAMA
RW AZZ AO RON